

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN**  
**MOHD FAKEH**  
**KAWASAN : SABAK BERNAM**  
**NO. SOALAN : 511**

**SOALAN**

**YB. DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD FAKEH (SABAK BERNAM)** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kesan penarikan diri Amerika daripada Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) kepada perdagangan global Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Sepertimana ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, Amerika Syarikat telah mengeluarkan notifikasi bertulis kepada semua negara-negara Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) termasuk Malaysia pada bulan Januari 2017 untuk memaklumkan penarikan negara tersebut dari TPPA.

2. Dengan perkembangan ini dan berdasarkan syarat perjanjian sedia ada, TPPA tidak boleh dilaksanakan tanpa penglibatan Amerika Syarikat. Ini kerana perjanjian ini hanya boleh berkuat kuasa apabila

ratifikasi dilaksanakan oleh sekurang-kurangnya enam (6) buah negara yang mewakili 85% jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara-negara TPP. Amerika Syarikat sahaja sudah menyumbang 60% daripada jumlah keseluruhan KDNK negara-negara anggota TPP.

3. Susulan itu, negara-negara TPP saling bertukar pandangan mengenai hala tuju perjanjian ini. Saya menjangkakan perbincangan formal yang lebih mendalam akan berlangsung di Vietnam semasa pertemuan Mesyuarat Menteri-Menteri APEC pada bulan Mei 2017 kelak.

4. Lanjutan daripada penarikan diri Amerika Syarikat daripada TPPA, Malaysia tidak akan dapat menikmati peluang-peluang tambahan untuk meningkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan melalui akses pasaran berkeutamaan yang ditawarkan di bawah TPP.

5. Namun, Malaysia sedang mengambil beberapa langkah kearah meningkatkan akses pasaran tambahan global. Di peringkat serantau, Malaysia terlibat dalam rundingan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) bersama 15 negara lain, termasuk tujuh (7) buah negara anggota TPP. Tumpuan Malaysia pada masa ini adalah untuk memuktamadkan rundingan RCEP menjelang penghujung tahun ini.

6. Selain itu, Malaysia juga memberi fokus terhadap peningkatan tahap integrasi ekonomi ASEAN, serta mengadakan perjanjian FTA dengan beberapa negara TPP dan negara-negara berpotensi yang lain.

7. Sebagai langkah seterusnya, Malaysia meletakkan keutamaan kepada agenda berikut:

- (i) Pertama, memastikan kejayaan pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN, khususnya bagi menangani isu berkaitan halangan bukan tarif dan keseragaman standard;
- (ii) Kedua, memberi fokus untuk memuktamadkan RCEP;
- (iii) Ketiga, mengambil langkah susulan dari kunjungan Raja Salman dan delegasi Arab Saudi ke Kuala Lumpur dan MoU yang ditandatangani sewaktu lawatan ke China serta menjalinkan hubungan lebih erat dengan India; dan
- (iv) Terus menggalakkan hubungan pelaburan dan perdagangan dengan negara-negara lain dari benua Asia, Amerika dan Eropah.